



5

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

Jabatan Bendahari

Bursar's Office

Ruj : UKM 3.1/224/8 Jld IX
Tarikh : 17 Oktober 2013

PEKELILING BENDAHARI BIL. 19/2013

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia, dan
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,


PEMBATALAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2003
BORANG PERMOHONAN PENDAHULUAN DIRI

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan penguatkuasaan Pekeliling Bendahari Bil. 11/2013 Perlaksanaan Sistem e-Perjalanan Untuk Semua Urusan Pendahuluan Diri Dan Tuntutan Belanja Perjalanan Kakitangan UKM Menggantikan Sistem Manual Melalui Borang, maka dengan ini Pekeliling Bendahari Bil. 5/2003 adalah terbatal dengan sendirinya.

3. Walaubagaimanapun, syarat-syarat am permohonan Pendahuluan Diri masih tertakluk kepada beberapa kriteria berikut:

- i) Permohonan perlu dibuat melalui Sistem e-Perjalanan.
- ii) Pendahuluan hanya untuk Elaun Sewa Hotel / Lojing dan Elaun makan pada hari-hari bertugas pada kadar 90% kelayakan atau kelulusan mana lebih rendah. Kelayakan adalah seperti di Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2003 untuk perjalanan rasmi dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 2005 untuk perjalanan berkursus. Pekeliling ini boleh dicapai melalui laman sesawang: www.treasury.gov.my. Sekiranya elaun-elaun ini ditanggung oleh penganjur atau telah dibayar oleh universiti, tiada apa-apa pendahuluan diri boleh dipohon.
- iii) Kadar minima pendahuluan diri seperti berikut:
 - a) Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan Profesional - RM500.
 - b) Kumpulan Sokongan (kecuali Gred 1 hingga 16) - RM300.
 - c) Gred 1 hingga 16 - tiada had minima.
 Jumlah permohonan kurang dari had minima tidak dibenarkan.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

- iv) Permohonan pendahuluan diri hanya akan diberi sekiranya penyata pendahuluan terdahulu telah diselesaikan.
- v) Kelulusan untuk tugas-tugas rasmi hendaklah dilampirkan sekiranya tidak melalui kelulusan eMohon Persidangan (eMP), Sistem Pengurusan Latihan (eSPEL) dan Sistem Pengurusan Ke Luar Negara (SPKLN).
- vi) Pendahuluan yuran kursus/ persidangan/ seminar/ kolokium boleh dimohon bersama semasa permohonan pendahuluan diri . Brosur kursus/ persidangan/ seminar/ kolokium hendaklah dilampirkan bersama.

Tarikh kuatkuasa Pekeliling adalah bermula dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat mengambil tindakan menyampaikan perkara ini kepada semua kakitangan Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian/Unit Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian dimaklumkan. terima kasih.

Yang Benar

Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k. ~ Naib Canselor, UKM
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM,
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM,
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM,
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM,
Pendaftar, UKM